

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/6.2018**

**ADDITIONAL NSX LICENSES FOR ONE GOVERNMENT PRIVATE CLOUD, PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Syarikat yang akan ikut serta hendaklah berdaftar sebagai ***VMware Partner Network (VPN) as Enterprise or Premier Solution Provider.***
2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai Tawaran ini adalah dimestikan terlebih dahulu untuk membuat pendaftaran dan menyediakan keterangan perniagaan di dalam Business Reporting (BR) Portal. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran ini bolehlah dibuat www.business.gov.bn.
3. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai Tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran ***Specialised*** di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD) termasuk saiz perniagaan bagi ***Micro, Small and Medium Companies.***
4. Maklumat lanjut mengenai dasar LBD ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang www.memii.gov.bn/SitePages/LBD%20Policy%20Framework%20for%20ICT.aspx
5. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah \$30.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat (CD) berjumlah \$5.00 dari:

**SEKSYEN KEWANGAN, DIVISYEN PENGURUSAN KEWANGAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI
SIMPANG 69-18, JALAN E-KERAJAAN, GADONG BE1110,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

pada setiap hari **Isnin hingga hari Khamis** dari jam **8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi** sahaja.

6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

**BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/6.2018
ADDITIONAL NSX LICENSES FOR ONE GOVERNMENT PRIVATE CLOUD, PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 18hb September 2018

7. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang Tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan Sijil Pendafataran Syarikat yang terkini.
8. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.
10. Bagi sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui talian telefon: (673) 2424955 sambungan 134 atau e-mel cm@egc.gov.bn.